

'Satu saja, tak boleh lebih'

Tindakan akan dikenakan kepada penyewa petak parkir khas yang ingkar

BANTING - Pemilik premis perniagaan diingatkan supaya tidak mengganggu pihak lain dengan menggunakan petak parkir lebih dari satu.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohamad Zain A Hamid berkata, pihak Majlis akan meningkatkan penguatkuasaan di beberapa kawasan di daerah ini terhadap pemilik petak parkir khas bagi mengelakkan mereka menyalahgunakan kemudahan tersebut.

"Sehingga kini permohonan petak parkir khas yang diberikan hanya membenarkan permohonan melibatkan petak parkir yang ada di hadapan kedai sahaja.

"Hanya satu petak parkir khas saja yang ada di depan kedai, tak boleh lebih.

Tetapi, telah timbul isu kebanyakan bengkel kenderaan menggunakan dua parkir. Justeru, kita akan selaraskan dengan pihak penguat kuasa dan menguatkuasakan semula dengan memastikan permohonan yang dibuat menepati apa yang kita mahu," katanya dalam Mesyuarat Penuh MDKL, di Bilik Cempaka Kuning MDKL semalam.

Tambahnya, pihak Majlis akan memastikan tiada halangan diletakkan di petak parkir khas.

"Kalau terdapat halangan kita akan adakan operasi. Bagi yang guna lebih dari satu tempat parkir yang dikhaskan, akan dikenakan juga," tegasnya.

Mohamad Zain berkata,

INFO • MDKL mencadangkan minima sewa tapak parkir khas dilanjutkan dari tiga bulan kepada minima enam bulan sehingga setahun.

pada mesyuarat berkenaan MDKL mencadangkan minima sewa tapak parkir khas dilanjutkan dari tiga bulan kepada minima enam bulan sehingga setahun.

"Cadangan tempoh tiga bulan tidak relevan untuk sewa khas. Tapi jika penyewa tidak perbaharui sewaan, tindakan turut akan diambil serta merta," katanya.

Dalam pada itu, me-



Ahli Majlis meluangkan masa membaca sempena program Jom Membaca 10 Minit semalam semasa Mesyuarat Penuh MDKL, semalam.

syuarat dihentikan kira-kira jam 11 pagi untuk membenarkan semua kakitangan

termasuk ahli majlis membaca sebagai tanda sokongan terhadap Kempen Jom

Membaca 10 minit sebelum menyambung semula mesyuarat berkenaan.

Jangan lawat hanya musim perayaan

BANTING - Orang Besar Daerah Kuala Langat, Tengku Datuk Mohamed Tengku Harun mengesakan pelbagai pihak termasuk badan sukarelawan terus mengaktifkan program ziarah di hospital pada bila-bila masa dan tidak menetapkan pada musim perayaan sahaja.

Menurutnya, ia bukanlah sahaja dapat menggerakkan silaturahmi namun menceraikan pesakit yang sedang ditimpa musibah selain dapat memberikan semangat untuk meneruskan kehidupan.

"Kita juga dapat selami perasaan dan menghayati manusia di dunia yang telah dianugerahkan oleh Allah dengan pelbagai ujian kesakitan dan juga harta benda.

"Masa inilah kita dengan perkembangan mereka dan memberi kata-kata semangat supaya mereka cepat pulih dan sihat seperti sedia kala," katanya kepada Sinar Harian.

Beliau berkata demikian selepas program Ziarah Hospital Banting dianjurkan Lembaga Zakat Selangor Cawangan Kuala Langat di hospital berkenaan di sini, semalam.

Sementara itu, Pengurus



Mohd Shukri (baju biru) dan Tengku Mohamed (baju putih) turut menziarahi pesakit di wad Hospital Banting sempena Ziarah ke Hospital Banting.



Tengku Mohamed menyampaikan cenderahati kepada ahli keluarga pesakit.

Zakat Cawangan Kuala Langat, Mohd Shukri Hushin berkata, dalam program berkenaan, Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyampaikan cenderahati makanan sunnah kepada semua pesakit di wad lelaki dan kanak-kanak di hospital berkenaan.

"Program tahunan ini di-

adakan sebagai medium dakwah global zakat menyantuni pesakit di bawah peruntukan fisabilillah.

"Dalam program itu juga, kita turut membantu pesakit dalam memberi maklumat mengenai agihan zakat selain menjawab pelbagai persoalan daripada pesakit berkaitan zakat," katanya.

Masalah banyak dihadapi, namun anda tertanya di manakah penyelesaiannya dalam Al-Quran?

PROMOSI
HANYA RM600
BERSAMA 3 ORANG

Solusi Kehidupan Dalam Al-Quran

Istimewa Ramadan 1438 H

Objektif Kelas :

1. Mengetahui bagaimana menyelesaikan masalah dengan berpandukan Al-Quran.
2. Mengetahui bagaimana menggunakan indeks Quran untuk mencari ayat rujukan.
3. Mengetahui parameter penting dalam berinteraksi dengan ayat-ayat Quran dalam menyelesaikan masalah.
4. Melonjakkan kecintaan pada Al-Quran sebagai sumber peringatan, penawar, petunjuk dan rahmat pada setiap masa.

Keistimewaan Kelas :

1. Boleh Recaj: Alumni boleh hadir kelas ini secara PERCUMA.
2. PERCUMA kelas tutor Tadabbur Tazakur.
3. Pura peserta akan dibantu oleh fasilitator secara intensif sepanjang program berjalan.

12 - 14 MEI 2017 (KUMPULAN 5)
9.00 am - 6.00 pm
Auditorium Karangkraf Shah Alam

INDIVIDU RM750 SEORANG
BERKUMPULAN (MINIMUM 3 ORANG) RM650 SEORANG

*Yuran adalah termasuk fail, nota, makanan dan siji peserta
Sila hubungi 013 964 6618 untuk keterangan lanjut.

Daftar sekarang secara online di: bit.ly/RahsiaAlQuran

Anjuran: Sahng Kelas
Sokongan Bersama: karangkraf, MUI, MAMPU